

Perp. Sultanah Zanariah, UTM



30000010145122

10411325

**KESAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DI KAWASAN  
PASIR GUDANG JOHOR TERHADAP TAHAP SOSIO-EKONOMI  
PENDUDUK PERKAMPUNGAN TRADISIONAL DI SEKITAR**

ABDUL RAHIM BIN HAJI RAMLI

Laporan projek ini dikemukakan  
Sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
Penganugerahan Sarjana Sains (Perancangan Bandar dan Wilayah)

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2007

## PENGHARGAAN

Syukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, telah memberikan saya keazaman, ketabahan dan kesabaran bagi menyempurnakan Kertas Projek Sarjana.

Saya merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Dr Ho Chin Siong dan Prof Madya Dr Ibrahim Bin Ngah, yang telah sudi mengorbankan masa dan tenaga untuk membimbing serta memberikan nasihat-nasihat yang amat berguna sehingga kajian ini dapat disempurnakan.

Seterusnya ucapan terima kasih kepada teman-teman yang membantu, khususnya Alias, Apriyan, Dr Muhamad Zaly, Dani, Endasah, Fadzil, Hussin, Laila, Nor Azlin, Safree, Salamah, Sharil Nizam, Sharul Kamal, Siti, Syahirah dan Prof Dr Supian kerana memberi semangat untuk menyempurnakan kajian ini.

Setinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada :-

- i. Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang.
- ii. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor.
- iii. Balai Polis Masai.
- iv. Ketua Kampung Tanjung Langsat (Ibrahim bin Ramli).
- v. Ketua Kampung Perigi Acheh (Saad bin Awang).
- vi. Penduduk-penduduk Kampung Tanjung Langsat dan Kampung Perigi Acheh, kerana telah memberi kerjasama dalam melancarkan perjalanan kajian ini.

Jutaan terima kasih, buat isteri dan anak-anak tercinta serta ahli keluarga yang selama ini sentiasa memberi dorongan dan sokongan moral yang tidak terhingga.

Akhir sekali, terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan dan individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung membantu saya menyempurnakan kajian ini.

## ABSTRAK

Pembangunan kawasan perindustrian dilihat memberi kesan-kesan positif dan negatif sama ada secara langsung atau tidak langsung ke atas kawasan sekitar, termasuklah kawasan perkampungan tradisional dan petempatan lain. Antara kesan-kesan yang dialami adalah dari segi peluang pekerjaan, tingkat pendapatan, tahap sosial, taraf ekonomi dan persekitaran. Bagi tujuan mengenalpasti dan mengkaji kesan-kesan tersebut, satu kajian empirikal telah dijalankan di kawasan kes kajian iaitu Kampung Tanjung Langsat dan Perigi Aceh, dengan tujuan untuk mendalamai kesan-kesan daripada kewujudan aktiviti-aktiviti di kawasan perindustrian Pasir Gudang. Kajian dijalankan berdasarkan maklumat-maklumat sekunder dan pengumpulan maklumat primer yang dikumpulkan melalui sesi temubual dan kajian soal-selidik dengan ketua isi rumah. Beberapa orang responden yang terdiri daripada Penghulu, Ketua Kampung, Jururawat Masyarakat, Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang (PBTPG) dan penduduk tempatan telah ditemubual. Manakala seramai 57 orang ketua isi rumah di Kampung Tanjung Langsat dan 50 orang di Kampung Perigi Aceh telah dipilih menggunakan teknik "*random sampling*". Hasil kajian menunjukkan bahawa pembangunan perindustrian Pasir Gudang telah memberi kesan positif iaitu dari segi peningkatan tahap pendapatan penduduk tempatan, infrastruktur dan kemudahan awam. Pada masa yang sama ia juga menimbulkan kesan-kesan negatif seperti pencemaran udara, air dan batasan kawasan menangkap ikan, di sekitar kawasan laut Tanjung Langsat dan Perigi Aceh. Bagi meminimumkan kesan negatif dan memperbaiki keadaan sosio-ekonomi penduduk persekitaran kedua-dua buah kampung tersebut, kajian telah menyenaraikan beberapa cadangan seperti meningkatkan infrastruktur dan kemudahan awam, membangunkan kampung tradisional menggunakan pendekatan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD), pembangunan kawasan rekreasi dan pengekalan kawasan hutan bakau sedia ada dan mengadakan sistem keselamatan amaran awal. Melalui cadangan-cadangan yang digariskan, adalah dijangka hasrat untuk memelihara dan membangunkan kampung-kampung tersebut secara mampan, lengkap dengan kemudahan awam dan infrastruktur serta peningkatan taraf sosio-ekonomi penduduk akan menjadi kenyataan.

## ABSTRACT

Nowadays, the development of industrial areas in our country gives many positive and negative impacts towards the environment, either directly or indirectly. This is including the traditional village areas and other settlement. Among the impacts are from the aspects of working opportunity, social change, increase in economic level and environment. Therefore, to identify and study the impacts, an empirical research had been done in the case study areas which are at Kampung Tanjung Langsat and Perigi Aceh. This is to understand the impacts from the existence of activities in Pasir Gudang Industrial Area. The research had been conducted based on secondary information and collection of primary information by interviewing and distributing questionnaires to the house leaders. Some of the respondents including the Penghulu, Ketua Kampung, Jururawat Masyarakat, Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang (PBTPG) and local communities had been interviewed. Meanwhile, 57 house leaders in Kampung Tanjung Langsat and 50 house leaders in Kampung Perigi Aceh had been chosen using ‘random sampling’ technique. The findings showed that Pasir Gudang industrial development had given positive impacts to the local community in aspects of their income, infrastructure and public facilities. On the other hand, it also creates negative impacts such as air and water pollution and limit of area for fishing activity around the Tanjung Langsat and Perigi Aceh area. In order to minimize the negative impacts and improve both of the village’s community social economy, the research had listed several suggestions such as upgrading the infrastructure and public facilities, developing traditional villages using the approach of “*Pusat Pertumbuhan Desa (PPD)*”, developing recreational areas and conservation of the mangrove swamp areas, and also providing early warning security system. Through the listed suggestions, it is hoped that the desire to preserve and develop those villages to be sustainable and well-equipped with public facilities, infrastructure and increase in the community socio-economical level will become a reality.

## **ISI KANDUNGAN**

<b>BAB PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	i
<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	ii
<b>JUDUL</b>	iii
<b>PENGAKUAN</b>	iv
<b>DEDIKASI</b>	v
<b>PENGHARGAAN</b>	vi
<b>ISI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI PELAN</b>	xv
<b>ABSTRAK</b>	xviii
<b>ABSTRACT</b>	xix

## **BAHAGIAN SATU**

<b>1.0</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Perkembangan Perindustrian Pasir Gudang.	3
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Matlamat Kajian	5

1.5	Objektif Kajian	6
1.6	Skop Kajian	6
1.7	Metodologi Kajian	7
1.7.1	Peringkat Kajian Awalan	11
1.7.2	Kajian Literatur	11
1.7.3	Peringkat Pengumpulan Maklumat	12
1.7.4	Peringkat Analisis Kajian	12
1.7.5	Peringkat cadangan	13
1.8	Kawasan Kajian	13
1.9	Profil Asas Kampung	19
1.9.1	Kampung Tanjung Langsat	19
1.9.2	Kampung Perigi Acheh	20

## **BAHAGIAN DUA**

<b>2.0</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	23
2.1	Pengenalan	23
2.2	Pemahaman Konsep Asas Sosio-Ekonomi	25
2.3	Pemahaman Konsep Asas Aktiviti Dan Pembangunan Industri	26
2.4	Kajian Mengenai Impak Terhadap Sosio-ekonomi Daripada Pembangunan Industri	28
2.5	Perkembangan Guna Tanah Kesan Daripada Pembangunan Industri	30
2.6	Perubahan Guna Tanah Dalam Konteks Luar Negara: Pengalaman di Britain	31
2.7	Kajian Mengenai Kesan	32
2.8	Perubahan Guna Tanah Dalam Konteks Dalam Negara: Pengalaman Malaysia	34

2.9	Kesan Umum Yang Wujud Dari Pembangunan Industri	34
2.9.1	Tren Pembangunan Petempatan di Pinggir Kawasan Perindustrian	35
2.9.2	Prasyarat dan Cabaran Kepada Pembangunan Luar Bandar	36
2.10	Faktor-faktor Perkembangan Industri Pinggir Bandar	38
2.11	Perkembangan Pembangunan Perindustrian Negeri Johor	40
2.11.1	Perspektif Negara dan Negeri	40
2.11.2	Pertumbuhan Pekerjaan dan Taburan Mengikut Daerah	42
2.11.3	Nilai Tambah dan Pekerjaan Mengikut Daerah dan Jenis Industri	44
2.11.4	Tren Pelaburan Pembuatan Mengikut Daerah dan Jenis Industri	46
2.12	Pembangunan Tanah Kawasan Tanjung Langsat (BP 5) oleh Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang (PBTPG)	48
2.12.1	Perumahan	50
2.12.2	Perniagaan	51
2.12.3	Perindustrian	51
2.12.4	Institusi dan Kemudahan Masyarakat	52
2.12.5	Kawasan Lapang, Taman Permainan dan Kawasan Rekreasi Lain	52
2.12.6	Rizab Utiliti	53
2.12.7	Kawasan Ekologi Semula Jadi	53
2.13	Kadar Pertumbuhan Penduduk Mengikut Blok Perancangan	53
2.14	Rumusan	56

## **BAHAGIAN TIGA**

<b>3.0</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	58
3.1	Pengenalan	58
3.2	Analisis Data	59
3.2.1	Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat	60
3.2.2	Analisis Kajian	68
3.3	Ciri-ciri Responden	63
3.3.1	Jenis Pekerjaan Dahulu (1980) dan Sekarang (2006)	64
3.3.2	Pendapatan Dahulu dan Sekarang	67
3.3.3	Pembangunan Infrastruktur	69
3.3.4	Penyediaan Lampu Jalan.	72
3.3.5	Tahap Pendidikan Anak-anak dan Isi Rumah	78
3.3.6	Pemilikan Rumah dan Tanah Dahulu dan Sekarang	80
3.3.7	Pemilikan Perkakas Rumah Dahulu dan Sekarang	82
3.3.8	Kes Kecurian dan Penagihan Dadah	86
3.3.9	Pengetahuan Penduduk Tentang Bahaya dan Kesan Dari pada Aktiviti Perkilangan di Kawasan Pasir Gudang	88
3.3.10	Kesan Pencemaran	89
3.4	Rumusan	90

## **BAHAGIAN EMPAT**

<b>4.0</b>	<b>CADANGAN KAJIAN</b>	92
4.1	Pengenalan	92
4.2	Cadangan Peningkatan Infrastruktur dan Kemudahan Awam	93
4.2.1	Pembangunan Jalanraya	93

4.2.2	Penyediaan Lampu Jalan	94
4.2.3	Membangunkan Kampung Tradisional	94
4.2.3.1	Pendekatan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD)	95
4.2.3.2	Model Perumahan Tradisional Rancangan Kawasan Khas (RKK)	95
4.2.4	Cadangan Pembangunan Kawasan Rekreasi dan Pengekalan Hutan Bakau	97
4.2.5	Cadangan Mengadakan Sistem Keselamatan Amaran Awal	99
4.2.6	Cadangan Membangunkan Kawasan Perkampungan Secara Ideal	99
4.2.7	Cadangan Perindustrian Yang Dibangunkan Di Sekitar Kawasan Perkampungan	100
4.3	Cadangan Peningkatan Sosio-ekonomi	100
4.3.1	Peningkatan Kualiti Sumber Manusia	101
4.3.2	Penyediaan Peluang Perniagaan	101
4.3.3	Latihan Kepada Nelayan	101
4.4	Cadangan Peningkatan dan Pemeliharaan Alam Sekitar	102
4.5	Garis Panduan Perancangan Segajat	102
4.6	Rumusan	103
<b>5.0</b>	<b>BAHAGIAN LIMA</b>	
<b>5.0</b>	<b>RUMUSAN</b>	104
5.1	Pengenalan	104
5.2	Hasil Kajian dan Cadangan	104
5.3	Kajian Lanjutan	106
5.4	Kesimpulan	107

## **SENARAI JADUAL**

NO.	TAJUK	HALAMAN
1.1	Jumlah Keluasan, Unit Rumah/Keluarga/Penduduk di kawasan Tanjung Langsat dan Perigi Aceh	18
2.1	Keluaran Dalam Negeri Kasar Sektor Pembuatan : Negeri Johor dan Semenanjung Malaysia, 1980-2000	41
2.2	Negeri Johor – Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan Pekerjaan Dalam Sektor	41
2.3	Negeri Johor- Pertumbuhan pekerjaan sektor pembuatan mengikut Daerah 1980-2000	42
2.4	Negeri Johor – Nilai tambah dan pekerjaan sektor Pembuatan mengikut daerah 1990-1999	44
2.5	Negeri Johor – Taburan Nilai Tambah dan Pekerjaan Sektor Pembuatan mengikut Jenis Industri 1990-1999	45
2.6	Jumlah Projek Pembuatan yang diluluskan mengikut Jenis Industri A1129, Johor Bahru (Tempoh 1990-2001)	47
2.7	Pembahagian Blok Perancangan (BP)	50
2.8	Kadar Pertumbuhan Penduduk Tahunan bagi Kawasan Perindustrian Pasir Gudang	54
2.9	Komposisi Guna Tanah BP 5 (Tanjung Langsat)	55

3.1	Komposisi Guna Tanah Bagi Kawasan Perindustrian Pasir Gudang	61
3.2	Peringkat Umur Ketua Isi Rumah Responden di Tanjung Langsat dan Perigi Aceh	63
3.3	Jenis Pekerjaan Dahulu dan Sekarang Responden di Kampung Tanjung Langsat	64
3.4	Jenis Pekerjaan Dahulu dan Sekarang Responden Di Kampung Perigi Aceh	66
3.5	Perbezaan keadaan Jalan, Jarak dan Masa Perjalanan Dahulu dan Sekarang bagi Ulang-alik dari Masai ke Kampung Tanjung Langsat dan Perigi Aceh dan	70
3.6	Kekerapan ulang-alik dari kampung ke luar kampung bagi responden di Tanjung Langsat dan Perigi Aceh	71
3.7	Jumlah Pejalanan Setiap Keluarge Bagi Tempuh Tanjung Langsat	73
3.8	Jumlah Perjalanan Setiap Keluarga bagi Tempuh Setahun di Perigi Aceh	75
3.9	Cadangan Naik Taraf Jalan oleh Responden Kampung Tanjung Langsat dan Perigi Aceh	77
3.10	Responden Tanjung Langsat dan Perigi Aceh yang mencadangkan Penyediaan Lampu Jalan	77
3.11	Tahap Pendidikan Anak-anak Responden di Kampung Kampung Tanjung Langsat dan Perigi Aceh	79

3.12	Pemilikan Rumah Responden di Tanjung Langsat	80
3.13	Pemilikan Tanah Responden di Tanjung Langsat	81
3.14	Pemilikan Rumah Responden di Perigi Aceh	81
3.15	Pemilikan Tanah Responden di Perigi Aceh	82
3.16	Pemilikan Harta Tanjung Langsat	83
3.17	Pemilikan Harta Rasponden Perigi Aceh	85
3.18	Peratusan Perbandingan Kes Kejadian Kecurian Tanjung Langsat dan Perigi Aceh	87
3.19	Peratusan Perbandingan Kes Penagihan Dadah di Kampung Tanjung Langsat dan Perigi Aceh	87
3.20	Pengetahuan Responden di Kampung Tanjung Langsat dan Perigi Aceh Tentang Bahaya Aktiviti Perindustrian	88
3.21	Pendapat Responden Terhadap Kesan Pencemaran Kampung Tanjung Langsat dan Perigi Aceh	89

## **SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
1.1	Carta Aliran Kajian	10
1.2	Kedudukan Kawasan Perindustrian Pasir Gudang, Tanjung Langsat dan Perkampungan Sekitar	15
1.3	Aerial Photo Kawasan perindustrian Pasir Gudang dan Kedudukan Sebahagian perkampungan Tradisional	16
1.4	Pelan Guna Tanah Kawasan Perindustrian Pasir Gudang	17
1.5	Aerial Foto Kawasan Kampung Tanjung Langsat	19
1.6	Aerial Foto Kawasan Kampung Perigi Acheh	21
2.1	Zon Sepusat	27
2.2	Model Sektor Menurut Hoyt (1939)	29
2.3	Model Pelbagai Pusat (1945)	35
2.4	Pelan Menunjukkan Blok (BP 5) Pembangunan Kawasan Perindustrian yang dicadangkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang (PBTPG)	49
3.1	Jumlah Pendapatan Responden Dahulu (Tahun 1980) dan Sekarang (Tahun 2006) di Kampung Tanjung Langsat	68

3.2	Jumlah Pendapatan Responden Dahulu (Tahun 1980) dan Sekarang (Tahun 2006) di Kampung Perigi Aceh	69
3.3	Graf Perbandingan Tahap Pendidikan Anak-anak Responden Mengikut Peratusan di Tanjung Langsat dan Perigi Aceh	79

## **SENARAI FOTO**

<b>NO.</b>	<b>FOTO</b>	<b>HALAMAN</b>
1.1	Keadaan di sekitar Kampung Tanjung Langsat	22
1.2	Keadaan di sekitar Kampung Perigi Acheh	22
4.1	Cadangan Pusat Rekreasi Hutan Paya Bakau Serta Kemudahan lain	98
4.2	Cadangan Tapak Gerai dan Chalet di Kampung Tanjung Langsat	98

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Pembangunan kawasan perindustrian memberi kesan sama ada secara langsung dan tidak langsung terhadap kawasan sekitarnya. Ini termasuklah kawasan perkampungan tradisional dan penempatan lain. Kesannya, sama ada yang berbentuk positif mahu pun negatif adalah dari segi sosial, ekonomi, persekitaran dan guna tanah. Menurut pendapat Hirschman (1955), pembangunan industri dapat menjanakan perkembangan sektor ekonomi yang lain dan seterusnya memberi kesan kepada perubahan keadaan guna tanah.

Di Malaysia semenjak tahun 1980, galakan kepada pembangunan industri berat telah dimasukkan ke dalam program perindustrian negara dengan tujuan memperkuuhkan asas-asas perindustrian dan menambahkan kemahiran rakyat dalam bidang industri berteknologi tinggi. Sektor perindustrian akan terus memainkan peranan utama dalam pembangunan negara. Untuk tujuan tersebut, matlamat jangka panjang serta strategi yang baru perlu diwujudkan dalam sektor perindustrian negara.

Menurut Burgess (1925), semua ekonomi dinilai berdasarkan kepada perletakan tanah dari pusat pasaran yang menjadi tempat tumpuan pasaran pertanian. Guna tanah sesebuah bandar berkembang dari pusat bandar ke arah pinggir bandar di dalam suatu siri zon sepusat. Mohd Aris (1983) merumuskan, kesan daripada kepesatan pembangunan yang dialami di negara ini telah mengakibatkan terdapatnya perkampungan tradisional di sekitar kawasan pembangunan perindustrian, telah mengalami fenomena kemunduran di dalam beberapa aspek pembangunan.

Secara ringkasnya, kajian tersebut sekaligus telah membuktikan bahawa telah wujud fenomena kemunduran perkampungan tradisional di kawasan sekitar pusat-pusat pertumbuhan sama ada perbandaran atau pun kawasan perindustrian di Malaysia. Namun begitu masih terdapat kesan sebaliknya. Oleh yang demikian, bagi menjamin pengekalan suatu masyarakat yang harmoni, pembangunan mampan dan penduduk yang mempunyai tahap pendapatan yang lebih baik di dalam sesebuah kawasan perkampungan tradisional di sekitar kawasan pembangunan perindustrian, maka satu kajian menyeluruh perlu dijalankan bagi mendapatkan maklumat terperinci mengenai kesan yang berlaku. Ia dilakukan untuk mendapat satu rumusan bukan sahaja bagi menjamin pengekalan kampung tersebut tetapi kedudukan tahap sosio-ekonomi penduduk. Justeru itu, satu garis panduan perancangan pembangunannya akan dapat dihasilkan.

Beberapa deklarasi dan persidangan antarabangsa seperti “*World Summit for Social Development, Copenhagen, 1995*”, (<http://www.un.org/esa/socdev/wssd/>), telah mengiktiraf dan mengesahkan bahawa setiap insan mempunyai hak asasi untuk menikmati taraf hidup yang sempurna dari aspek pemakanan, perumahan, pendidikan, kesihatan, pekerjaan, keselamatan, sosial dan sebahagian daripada manfaat kemajuan sosial. Oleh yang demikian, segala bantuan dan program sokongan yang khas perlu diberikan kepada golongan yang terpinggir supaya keperluan mereka dapat diberi perhatian dan mereka dapat melibatkan diri dalam arus pembangunan negara (Mohd Fadzil, 2005).

Menurut Abdullah (2006), pembangunan kampung perlu diperkasakan sehingga ke tahap terbilang dan tidak tercicir atau terpinggir dari arus kemajuan negara. Langkah memperkasakan kampung membolehkan usaha membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan kemiskinan relatif dapat dicapai selain memastikan usaha membangunkan modal insan hingga mampu melahirkan golongan profesional dan meningkatkan pendapatan penduduk kampung. Semua pemimpin di kampung serta wakil rakyat perlu membuat pemantauan agar tidak ada anak-anak kampung yang tercicir dalam alam persekolahan dan mesti menamatkan pendidikan mereka sekurang-kurangnya hingga ke peringkat sekolah menengah dengan harapan setiap keluarga di kampung mempunyai anggota keluarga yang melanjutkan pengajian hingga ke peringkat universiti dan mampu melahirkan sekurang-kurangnya

seorang profesional dan seorang usahawan. Di samping itu, peluang pekerjaan tidak hanya tertumpu di kawasan bandar, sebaliknya ia juga boleh diwujudkan di kampung-kampung bukan sahaja melalui bidang pertanian tetapi juga penglibatan dalam industri kecil. Melalui program “*homestay*” yang diminati pelancong asing, ianya mampu menjana pendapatan yang lebih tinggi.

Oleh itu, kajian terhadap kesan pembangunan industri harus dilakukan bagi mengenalpasti kesan-kesan tersebut. Dalam membincangkan soal yang berkaitan dengan kesan sosio-ekonomi yang diterima hasil daripada pembangunan kawasan perindustrian terhadap penduduk kampung-kampung tradisional di sekitarnya, kita tidak boleh mengelak daripada melihat implikasinya secara komprehensif, iaitu hal-hal yang berkaitan dengan kesan kepada fizikal, ekonomi, sosial dan guna tanah. Melalui kajian ini, fenomena kesan-kesan yang akan diterima oleh penduduk perkampungan ini, akibat daripada pembangunan kawasan Perindustrian Pasir Gudang akan dapat diteliti secara lebih mendalam dengan cara mengenalpasti jenis, sebab dan akibatnya.

## 1.2 Perkembangan Perindustrian Pasir Gudang

Dalam tahun 1970an, kerajaan telah memberi penekanan kepada pertumbuhan industri yang lebih pesat untuk menampung keperluan negara bagi mengwujudkan peluang-peluang pekerjaan. Tumpuan telah diberikan kepada aktiviti industri yang berdasarkan buruh dan berorientasikan eksport. Mulai tahun 1980an pula, galakan kepada pembangunan industri berat telah dimasukkan ke dalam program perindustrian negara dengan tujuan memperkuatkan asas perindustrian dan menambahkan kemahiran rakyat dalam bidang industri berteknologi tinggi. Sektor perindustrian akan terus memainkan peranan utama dalam pembangunan negara. Untuk tujuan tersebut, matlamat-matlamat jangka panjang serta strategi-strategi yang baru perlu diwujudkan dalam sektor perindustrian negara. Untuk mencapai matlamat jangka panjang ini, kerajaan telah menggubal Pelan Induk Perindustrian Pertama (PIP 1) yang meliputi tempoh 10 tahun, iaitu dari tahun 1986 hingga 1995. Penggubalan Dasar Perindustrian Negara menerusi PIP 1

melambangkan keazaman kerajaan untuk mempergiat lagi proses perindustrian agar dapat memberi sumbangan yang lebih besar kepada pertumbuhan ekonomi negara. Salah satu matlamat PIP 1 ialah menjadikan sektor perkilangan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan perindustrian negara. PIP 1 menjangkakan sektor perkilangan akan memerlukan pelaburan yang banyak. Melalui PIP 1, nilai eksport sektor perkilangan akan bertambah dan jumlah peluang guna tenaga juga akan bertambah daripada 758,500 dalam tahun 1985 kepada 1,463,900 dalam tahun 1995.

Di daerah Johor Bahru pada awal tahun 1980an, industri pembuatan adalah merupakan sektor ekonomi yang utama iaitu merangkumi 27.0 peratus daripada jumlah pekerjaan di Negeri Johor. Pekerjaan di sektor pembuatan merangkumi 22.2 peratus di kawasan Majlis Perbandaran Johor Bahru (MPJB), 26.3 peratus di Mukim Plentong dan 46.1 peratus di Pasir Gudang. Selepas Lembah Klang dan Pulau Pinang, Negeri Johor merupakan penyumbang ketiga terbesar dari segi pengeluaran dan jumlah pekerjaan dalam sektor pembuatan. Sektor ini berpotensi untuk dijadikan asas pembangunan ekonomi yang utama. Oleh itu adalah penting untuk menentukan pembangunan industri berjalan secara sistematik supaya aktiviti industri dan arah pembangunannya dapat meningkatkan lagi penyertaan Bumiputera serta masalah dan halangan yang berkaitan dengan pembangunannya dapat dikenalpasti. Unjuran keperluan industri bagi kawasan MPJB, Mukim Plentong dan Pasir Gudang boleh dilakukan dalam masa penyediaan rangka bagi perancangan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan yang lain serta mengenalpasti aktiviti-aktiviti industri yang berpotensi. Unjuran ini adalah berasaskan kepada kajian sektoral Laporan Pemeriksaan Pelan Struktur Majlis Perbandaran Johor Bahru, Mukim Plentong dan Pasir Gudang (1985).

Semenjak pembangunan kawasan perindustrian Pasir Gudang dalam tahun 1972, telah berlaku suatu tren pergerakan pekerja dari kawasan Majlis Perbandaran Johor Bahru (MPJB) ke Pasir Gudang. Oleh yang demikian sehingga awal tahun 1980an, kadar pekerjaan perindustrian yang terdapat di dalam kawasan MPJB telah menurun kepada lebih kurang 59.0 %. Dalam masa yang sama, struktur perindustrian Pasir Gudang telah dikuasai oleh perusahaan makanan, minuman dan bahan tembakau iaitu sebanyak lebih kurang 60.0 % pekerjaan perusahaan, mesin dan

alatan 20.0 % dan perusahaan kimia sebanyak 10.0%. Ketiga-tiga kumpulan ini telah menguasai lebih 90.0 % peratus daripada jumlah pekerjaan di kawasan tersebut.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Semenjak pembangunan kawasan perindustrian Pasir Gudang dalam tahun 1972, telah timbul beberapa masalah kesan di segi ekonomi dan sosial. Adakah dengan wujudnya kawasan perindustrian Pasir Gudang, telah memberikan beberapa kesan di segi ekonomi dan sosial seperti peningkatan terhadap infrastruktur, pengwujudan peluang pekerjaan dan perniagaan yang boleh membawa kepada peningkatan taraf hidup dan pendidikan atau sebaliknya, iaitu dari segi alam sekitar berlakunya pencemaran udara, air dan pembatasan kawasan menangkap ikan dan dari segi sosial berlakunya masalah keruntuhan akhlak di kalangan penduduk di kawasan perkampungan tradisional di sekitarnya.

### **1.4 Matlamat Kajian**

Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti, sejauh mana pembangunan perindustrian telah memberi kesan terhadap tingkat sosio-ekonomi dan keadaan fizikal persekitarannya. Daripada matlamat ini, kajian diperlukan untuk mengukur sejauh manakah keadaan ini boleh membawa kepada pertumbuhan ekonomi penduduk dan apakah bentuk cadangan yang perlu, untuk mengwujudkan satu kawasan perindustrian yang lebih tersusun dan mampan, di mana terdapatnya integrasi positif antara kawasan industri dengan kawasan kediaman sekitarnya.

### **1.5 Objektif Kajian**

Bagi mencapai matlamat kajian, beberapa objektif telah dibentuk sebagaimana berikut :-

- i. Mengkaji sejauh mana pembangunan industri dapat meningkatkan pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam perkampungan sekitarnya.
- ii. Mengkaji sejauh mana pembangunan sesebuah kawasan industri dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi setempat dan sekitarnya, seperti kewujudan peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan, peningkatan pendapatan, peningkatan taraf pendidikan dan pekerjaan, yang boleh membawa kepada peningkatan taraf hidup.
- iii. Mengkaji kesan sosial seperti keselamatan dan keruntuhannya akhlak yang wujud di perkampungan tradisional di sekitar, hasil daripada pembangunan kawasan perindustrian.

### **1.6 Skop Kajian**

Bersetujuan dengan matlamat dan objektif kajian yang telah dibentuk, skop kajian ini adalah meliputi aspek-aspek berikut :-

- i. Dari aspek infrastruktur dan kemudahan awam, kajian akan mengenalpasti sejauh mana kesan pembangunan perindustrian dapat memperbaiki pembangunan infrastruktur seperti jalanraya, bekalan air, elektrik dan kemudahan-kemudahan awam yang lain di dalam kawasan perkampungan tradisional kerana ianya mempunyai perkaitan yang rapat dengan soal pendapatan penduduk kampung.
- ii. Kajian terhadap aspek-aspek yang menggalakkan pertumbuhan ekonomi perkampungan tradisional hasil daripada wujudnya kawasan

perindustrian akan di sentuh. Tumpuan diberikan kepada mengenalpasti elemen di segi pengwujudan peluang pekerjaan dan perniagaan kerana ianya mempunyai perkaitan dengan peningkatan pendapatan, pendidikan dan taraf hidup.

iii. Dalam konteks kesan sosial pula, kajian ini akan mengenalpasti kesan-kesan dari segi berlakunya masalah keruntuhan akhlak seperti kejadian kecurian dan penagihan dadah di kalangan penduduk perkampungan tradisional kerana perkara ini mempunyai perkaitan dengan keadaan keselamatan penduduk kampung.

## **1.7 Metodologi Kajian**

Golongan sasaran dalam kajian ini adalah terdiri daripada penduduk Kampung Tanjung Langsat dan Perigi Aceh, kerana mereka merupakan penduduk yang menetap diperkampungan ini. Sampel dipilih secara rawak daripada senarai populasi penduduk kampung tersebut dengan menggunakan teknik “*random sampling*”. Sebanyak 57 sampel di kawasan Tanjung Langsat dan 50 sampel di kawasan Perigi Aceh diperlukan dalam kajian ini melalui pengiraan pada 90 % “*confident level*”. Formula pemilihan dan pengiraan sampel kajian adalah sebagaimana berikut :-

**Formula:**

a) Saiz Sampel bagi Tanjung Langsat Dengan 90% Paras Keyakinan

$$n = \frac{N}{1 + N(e)^2}$$

$$n = \frac{134}{1 + 134(0.10)^2}$$

$$n = \frac{134}{1 + 1.34}$$

$$n = \frac{134}{2.34}$$

$$n = \underline{\underline{57}}$$

b) Saiz Sampel bagi Perigi Aceh Dengan 90% Paras Keyakinan

$$n = \frac{N}{1 + N(e)^2}$$

$$n = \frac{98}{1 + 98(0.10)^2}$$

$$n = \frac{98}{1 + 1.34}$$

$$n = \frac{98}{1.98}$$


$$n = 49.49$$

$$n = \underline{\underline{50}}$$

*n = saiz sample, N = populasi dan e = ralat persamplen*

Secara keseluruhannya, kajian ini melalui lima peringkat utama iaitu kajian awalan, kajian literatur, peringkat pengumpulan maklumat, peringkat analisis dan peringkat cadangan (Rujuk Rajah 1.1).

**RAJAH 1.1: CARTA ALIRAN KAJIAN**



### **1.7.1 Peringkat Kajian Awalan**

Peringkat ini melibatkan pemahaman asas akan tajuk penyelidikan, mengenalpasti isu-isu dan masalah berkaitan bidang yang dikaji, memilih kawasan kes kajian, membentuk matlamat dan objektif kajian, merangka dan merumuskan skop dan menentukan metodologi penyelidikan.

### **1.7.2 Kajian Literatur**

Kajian literatur dijalankan adalah bagi memberi gambaran dan pemahaman asas, bidang dan skop penyelidikan dari sudut teori, empirikal dan praktis bagi memandu peringkat analisis penyelidikan. Perbincangan di peringkat ini di pecahkan kepada dua komponen utama iaitu : -

- i. Literatur mengenai kesan umum yang wujud di sekitar kawasan pembangunan perindustrian, hasil daripada pembangunan sesebuah kawasan perindustrian.
- ii. Berasaskan kajian literatur, mengenalpasti sejauh mana kesan pembangunan perindustrian terhadap pembangunan infrastruktur, tahap pendapatan, pendidikan dan taraf hidup dan keselamatan penduduk perkampungan tradisional sekitarnya.

Kajian literatur yang dijalankan hasil daripada pengkajian penyelidik-penyelidik terdahulu, pembacaan surat khabar, jurnal, kertas-kertas kerja, dokumen dan sebagainya.

### **1.7.3 Peringkat Pengumpulan Maklumat.**

Di peringkat pengumpulan maklumat, data-data berikut telah dikumpulkan melalui:-

- i. Pengumpulan data sekunder daripada jabatan-jabatan tertentu, khususnya daripada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang (PBTPG), Pejabat Tanah Johor Bahru dan jabatan-jabatan lain yang berkaitan, bagi mendapat maklumat berhubung dengan perancangan bandar, status tanah, bilangan penduduk, keluasan tanah, nama dan jumlah industri yang terdapat dalam kawasan kajian dan nama kampung-kampung tradisional.
- ii. Pengumpulan data primer menggunakan borang soalselidik yang melibatkan responden tertentu khususnya berkaitan dengan maklumat responden seperti pekerjaan dan pendapatan dahulu dan sekarang, pemilikan harta dan perkakas rumah, persepsi terhadap kesan ekonomi, kemudahan masyarakat, infrastruktur dan keadaan sosial.

### **1.7.4 Peringkat Analisis Kajian.**

Bersesuaian dengan skop kajian dan maklumat yang akan dikumpulkan, analisis kajian menghasilkan data kuantitatif dalam bentuk statistik diskriptif (frekuensi dan peratusan) dengan menggunakan program “SPSS” bagi kajian soalselidik, sementara data-data dan maklumat yang dikumpulkan daripada temuduga yang telah dijalankan dianalisis secara kualitatif.

### 1.7.5 Peringkat Cadangan

Cadangan-cadangan dibentuk bagi tujuan meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi penduduk, kemudahan awam dan infrastruktur perkampungan tradisional, hasil daripada pembangunan kawasan perindustrian. Selaras dengan tujuan untuk mengurangkan kesan negatif, khususnya yang berkaitan dengan kesan sosio-ekonomi, beberapa cadangan penyelesaian dibentuk bagi mengurangkan kesan-kesan tersebut dengan mengambil kira kaedah perancangan dan pembangunan mampan.

## 1.8 Kawasan Kajian

Kawasan Perindustrian Pasir Gudang terletak di bahagian selatan Negeri Johor iaitu di tepi Selat Tebrau dalam Mukim Masai, Daerah Johor Bahru. Keluasan kawasan perindustrian Pasir Gudang ialah 929.07 hektar dan ditadbirkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang (PBTPG). Di sekitarnya terdapat beberapa buah perkampungan seperti Kampung Tanjung Langsat, Kampung Sungai Tiga, Kampung Perigi Acheh, Kampung Kopok (sekarang telah dipindahkan dan dikenali sebagai Kampung Kopok Baru), Kampung Pasir Putih, Kampung Sungai Masai, Kampung Pertanian, Kampung Air Biru, Kampung Jonglak, Kampung Rekoh, Kampung Sungai Renting, Kampung Kong-kong dan Kampung Pasir Merah. Terdapat juga 16 buah taman perumahan seperti Taman Air Biru, Taman Kota Masai, Taman Renteng, Taman Dahlia, Taman Scintex dan lain-lain lagi. Rancangan Tanah Felda Cahaya Baru terletak dalam lengkungan 10 kilometer daripada kawasan perindustrian ini.

Pusat Bandar Pasir Gudang merupakan pusat bandar utama di dalam kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang (PBTPG) dan merupakan bandar perindustrian dalam taman dan pelabuhan bagi Daerah Johor Bahru. Pada masa ini terdapat pelbagai kilang yang beroperasi di kawasan ini sama ada dari jenis berat, sederhana dan ringan seperti kilang Petrokimia Titan, kilang membuat seramik White Horse, Kilang elektronik Panasonic dan sebagainya (Rajah 1.4).


Terdapat dua buah perlabuhan yang beroperasi di kawasan ini, iaitu Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Langsat. Pelabuhan Pasir Gudang di bawah pentadbiran Lembaga Pelabuhan Johor, beroperasi untuk pemunggahan barang kargo seperti kontena dan adalah setanding dengan Pelabuhan Kelang. Sementara itu Pelabuhan Tanjung Langsat beroperasi untuk pengangkutan barang petrokimia seperti minyak kelapa sawit. Kedudukan Negeri Johor yang strategik di antara dua benua, Asia dan Australia dan juga Selat Melaka, sebagai antara jalur pelayaran tersibuk di dunia, memberi manfaat yang positif terhadap kedua-dua pelabuhan ini.

Dalam kajian ini penekanan akan diberikan khusus terhadap dua buah kampung tradisional sebagai kajian kes iaitu Kampung Perigi Aceh dan Kampung Tanjung Langsat. Ini adalah kerana kedua-dua buah kampung ini merupakan dua buah kampung tradisional yang masih kekal bentuk tradisinya dan sangat hampir dengan kawasan Perindustrian Pasir Gudang, juga merupakan kampung yang banyak menerima perubahan hasil daripada pembangunan kawasan perindustrian (Rajah 1.2 dan 1.3).


**Rajah 1.2 : Kedudukan Kawasan Perindustrian Pasir Gudang, Tanjung Langsat dan Perkampungan Sekitar**



Rajah 1.3 : Aerial Photo Kawasan Perindustrian Pasir Gudang dan  
Kedudukan Sebahagian Perkampungan Tradisional



Rajah 1.4 : Pelan Guna Tanah Kawasan Perindustrian Pasir Gudang



## 1.9 Profil Asas Kampung

Jumlah kampung yang terlibat di dalam kaji selidik ini ialah sebanyak dua buah iaitu kampung Tanjung Langsat dan Perigi Aceh. Kedua-dua kampung ini dipilih adalah kerana ianya kampung tradisional yang berada terlalu hampir dengan kawasan perindustrian Pasir Gudang dan Tanjung Langsat.

**Jadual 1.1: Jumlah Keluasan, Unit Rumah/ Keluarga dan Penduduk Mengikut Bangsa di Kawasan Kampung Tanjung Langsat Dan Perigi Aceh**

Nama Kampung	Keluasan (ekar)	Unit Rumah/ Keluarga			Jumlah Penduduk			
		Melayu	Cina	Jumlah	Melayu	Cina	Jumlah	
Tanjung Langsat	120	127	7	134	723	15	738	
Perigi Aceh	300	98	0	98	502	0	502	
Jumlah	420	225	7	232	1225	15	1240	

Sumber : Pengkaji Mac 2007

### 1.9.1 Kampung Tanjung Langsat

Mengikut Jadual 1.1, terdapat sejumlah 134 unit rumah kediaman/ keluarga di dalam Kampung Tanjung Langsat termasuk 127 terdiri daripada rumah kaum Melayu dan 7 daripadanya rumah kaum Cina. Sejumlah besar penduduknya adalah terdiri daripada orang Melayu iaitu seramai 723 orang dan selebihnya kaum Cina iaitu seramai 15 orang. Kebanyakan penduduk kampung bekerja sebagai nelayan, petani, peniaga, pekerja kilang dan kakitangan kerajaan. Keluasan kampung ini ialah lebih kurang 120 ekar dan status pemilikan tanah adalah tanah bermilik. Kedudukan perkampungan ini di tepi pantai Sungai Johor menyebabkan ramai nelayan tinggal di kawasan tepi pantai dan menjadikan pendapatan daripada menangkap ikan sebagai sumber sektor utama (Rajah 1.5). Di samping itu, suasana perkampungan sedia ada sejak turun temurun, menggalakkan penduduk ingin terus mendiami perkampungan tradisional ini (Foto 1.1)

Rajah 1.5 : Aerial Photo Kawasan Kampung Tanjung Langsat



### 1.9.2 Kampung Perigi Acheh

Mengikut Jadual 1.1 terdapat sejumlah 98 unit rumah kediaman di dalam kampung ini yang sejumlah besar penduduknya adalah terdiri daripada masyarakat Melayu. Jumlah penduduk perkampungan ini ialah seramai 502 orang. Kebanyakan mereka adalah terdiri daripada nelayan dan petani selain daripada pekerja kilang dan bekerja sendiri. Keluasan kampung ini ialah lebih kurang 300 ekar dan status pemilikan tanah adalah tanah bermilik persaorangan. Kedudukan aliran Sungai Kim-kim yang mengalir di dalam perkampungan ini menjadikannya sangat sesuai sebagai sebuah pengkalan nelayan (Rajah 1.6 dan Foto 1.2).

Kedua-dua kampung ini mempunyai keunikan tersendiri seperti keadaan pantai dan pemandangannya yang indah. Ia juga terletak pada laluan turun naik kapal terbang dari Lapangan Terbang Changi Singapura, yang menyebabkan berlakunya pencemaran bunyi bising enjin kapalterbang. Walau bagaimanapun itu bukannya merupakan satu pencemaran pendengaran bagi sesetengah penduduk kampung, malahan ianya merupakan satu-satunya hiburan kepada mereka kerana dapat melihat berjenis-jenis kapalterbang yang ada di dunia ini yang lalu di situ. Selain daripada itu, jadual penerbangan juga merupakan sebagai tanda waktu kerana banyaknya bilangan kapalterbang yang mendarat dan berlepas menandakan waktu-waktu tertentu bagi mereka.

Rajah 1.6 : Aerial Foto Kawasan Kampung Perigi Aceh



**Foto 1.1 : Keadaan di Sekitar Kawasan Kampung  
Tanjung Langsat**



**Foto 1.2 : Keadaan di Sekitar Kawasan Kampung  
Perigi Aceh**

